

Synerrv Celecoxib Capsules 400mg

Celecoxib 400mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Synerrv Celecoxib
2. Bagaimana Synerrv Celecoxib berfungsi
3. Sebelum mengambil Synerrv Celecoxib
4. Cara menggunakan Synerrv Celecoxib
5. Semasa menggunakan Synerrv Celecoxib
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Synerrv Celecoxib
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor siri

Apakah kegunaan Synerrv Celecoxib

Synerrv Celecoxib digunakan untuk

- Melegakan sakit senggugut.
- Melegakan gejala sakit sendi, nyeri, bengkak dan kekakuan sendi disebabkan *rheumatoid arthritis* (arthritis reumatoid) dan *osteoarthritis* (osteoarthritis).
- Melegakan tanda dan gejala *ankylosing spondylitis* (sejenis penyakit keradangan reumatik yang sebahagian besarnya melibatkan, tetapi tidak terhad kepada, tulang belakang, yang teruk).
- Untuk sakit pinggang bawah (untuk kekuatan 100mg & 200mg sahaja)

Bagaimana Synerrv Celecoxib berfungsi

Synerrv Celecoxib tergolong dalam satu kumpulan produk perubatan yang dipanggil ubat anti-keradangan bukan steroid (NSAID) dan secara khususnya dalam subkumpulan yang dikenali sebagai perencat (COX-2). Badan anda menghasilkan prostaglandin yang mungkin menyebabkan kesakitan dan keradangan. Apabila anda menghidap penyakit-penyakit seperti arthritis reumatoid dan osteoarthritis, badan anda akan

menghasilkan lebih banyak bahan ini.

Synerrv Celecoxib bertindak dengan mengurangkan penghasilan prostaglandin dan oleh itu ia berupaya mengurangkan kesakitan dan keradangan.

Sebelum mengambil Synerrv Celecoxib

-Bila tidak boleh mengambil

Sila beritahu doktor anda sekiranya mana-mana perkara berikut ada kaitan dengan anda kerana mereka yang menghidap penyakit-penyakit ini tidak boleh mengambil Synerrv Celecoxib.

- Sekiranya anda alah (*hypersensitive*) kepada celecoxib atau mana-mana bahan kandungan lain dalam Synerrv Celecoxib.
- Sekiranya anda pernah mengalami tindak balas alahan kepada satu kumpulan ubat yang dipanggil "sulfonamides" (contohnya sesetengah antibiotik yang digunakan untuk merawat jangkitan)
- Sekiranya setelah mengambil acetylsalicylic acid atau sebarang ubat untuk mengubati keradangan dan ubat penahan sakit (NSAID) yang lain, anda sakit lelah, hidung tersumbat teruk, atau tindak balas alahan seperti ruam kulit yang gatal, bengkak pada muka, bibir, lidah atau tekak, kesukaran bernafas atau nafas berdehit (*wheezing*)
- Sekiranya anda mengalami serangan jantung, penyakit jantung, strok, ministroke (penyumbatan atau pengurangan sementara pengaliran darah ke otak), sakit dada, atau penyumbatan pembuluh darah ke jantung atau otak
- Sekiranya anda mengalami atau pernah mengalami masalah peredaran darah atau sekiranya anda pernah menjalani pembedahan pada arteri kaki anda
- Tindak balas alahan, contohnya sindrom DRESS yang boleh menyebabkan demam dan ruam kulit, penyakit nodus limfa dan gangguan darah, contohnya peningkatan kiraan eosinophil (*eosinophilia*).

- Sekiranya anda berisiko penyakit kardiovaskular seperti strok atau penyakit iskemia jantung dan tekanan darah tinggi yang tidak terkawal.

Kehamilan dan penyusuan anak

Jangan ambil Celecoxib sekiranya anda hamil atau boleh hamil (yang bermakna anda berpotensi menjadi hamil dan tidak menggunakan kaedah pencegah kehamilan yang secukupnya) semasa rawatan yang berterusan ini. Jika anda hamil semasa menjalani rawatan Celecoxib, anda hendaklah menghentikan rawatan dan menghubungi doktor anda untuk mendapatkan rawatan alternatif. Celecoxib boleh diserap ke dalam susu ibu dan mungkin memudaratkan bayi yang meminum susu ibunya. Celecoxib tidak boleh digunakan semasa anda menyusukan anak. Sila maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda sedang menyusukan anak.

-Sebelum mula mengambil

Sila berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum anda mengambil Celecoxib:

- Sekiranya anda sedang atau sebelum ini pernah menghidap ulser atau pendarahan dalam perut atau usus anda
- Sekiranya anda menghidap penyakit hati atau penyakit buah pinggang yang teruk
- Sekiranya anda menghidap sebarang jenis penyakit jantung
- Sekiranya anda merokok, minum alkohol, menghidap kencing manis, mengalami tekanan darah tinggi atau tahap kolesterol yang tinggi
- Sekiranya anda mengalami pengumpulan air dalam badan (contohnya bengkak buku lali dan kaki)
- Sekiranya anda berumur melebihi 65 tahun
- Sekiranya anda sedang mengambil acetylsalicylic acid
- Sekiranya anda ternyahhidrat disebabkan muntah, cirit-birit atau penggunaan diuretic (ubat yang digunakan untuk merawat

Synerrv Celecoxib Capsules 400mg

Celecoxib 400mg

masalah cecair berlebihan dalam badan)

- Sekiranya anda jatuh sakit disebabkan sesuatu jangkitan atau anda merasakan bahawa anda mengalami jangkitan. Ini adalah kerana Celecoxib boleh menyembunyikan gejala demam atau tanda-tanda jangkitan dan keradangan, dan menyebabkannya tidak dapat dikesan
- Sekiranya anda merancang untuk hamil atau sekiranya anda menghadapi masalah untuk hamil
- Sekiranya anda berada dalam trimester kedua atau ketiga kehamilan

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Sesetengah ubat boleh menjejaskan cara ubat-ubat lain berfungsi. Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengambil atau baru-baru ini telah mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang diperolehi tanpa preskripsi.

Secara khususnya, sila maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tahu bahawa anda sedang mengambil mana-mana jenis ubat berikut:

- Dextromethorphan (digunakan untuk merawat batuk)
- Perencat ACE seperti lisinopril atau antagonis angiotensin II (digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi dan kegagalan jantung)
- Diuretic (digunakan untuk merawat bendalir berlebihan di dalam badan)
- Fluconazole, ketoconazole dan rifampicin (digunakan untuk merawat jangkitan kulat dan bakteria)
- Warfarin atau ubat antikoagulan oral lain (ubat "pencair darah" yang mengurangkan pembekuan darah).
- Litium (digunakan untuk merawat sesetengah jenis kemurungan)
- Carbamazepine (digunakan untuk merawat penyakit sawan dan sesetengah jenis gangguan tidur)
- Barbiturat (digunakan untuk merawat epilepsi/sawan dan sesetengah jenis gangguan tidur)

- Cyclosporin (digunakan untuk menahan penolakan organ, contohnya selepas pemindahan organ)
- Metoprolol yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi
- NSAID (selain daripada aspirin), yang digunakan untuk merawat kesakitan dan demam
- Aspirin atau acetylsalicylic acid (digunakan untuk mencegah pembentukan darah beku)

Cara menggunakan Synerrv Celecoxib

-Berapa banyak harus digunakan

Doktor anda akan memberitahu anda apakah dos yang anda perlu ambil. Memandangkan risiko kesan sampingan berkaitan penyakit jantung mungkin meningkat dengan penambahan dos dan tempoh penggunaan, ia penting bagi anda untuk menggunakan dos paling rendah yang berkesan untuk mengawal kesakitan anda dan anda juga tidak boleh mengambil Synerrv Celecoxib lebih lama daripada yang diperlukan untuk mengawal simptom.

Untuk osteoarthritis, dos yang disyorkan ialah 200 mg setiap hari. Ia boleh diberikan sebagai dos tunggal atau 100 mg dua kali sehari.

Untuk artritis reumatoid, dos yang disyorkan ialah 100 mg atau 200 mg dua kali sehari.

Untuk *ankylosing spondylitis*, dos yang disyorkan ialah 200 mg setiap hari, Ia boleh diberikan sebagai dos tunggal atau 100 mg dua kali sehari. Sesetengah pesakit mungkin memerlukan kadar dos harian sebanyak 400 mg untuk mendapat kesan yang diinginkan.

Untuk pengurusan kesakitan akut dan senggugut, dos yang disyorkan ialah 400 mg sebagai permulaan, diikuti oleh penambahan dos 200 mg jika perlu pada hari pertama. Pada hari-hari berikutnya, dos yang disyorkan ialah 200 mg dua kali sehari, sebagaimana diperlukan.

Untuk sakit pinggang bawah, dos yang disyorkan ialah 100mg dua

kali sehari (pagi dan petang) atau 200mg sekali sehari (untuk dos 100mg dan 200mg sahaja)

-Bila perlu digunakan

Synerrv Celecoxib harus ditelan sepenuhnya dengan meminum air. Kapsul ini boleh diambil bila-bila masa pada hari tersebut, dengan atau tanpa makanan. Walau bagaimanapun, anda digalakkan supaya mengambil setiap dos Synerrv Celecoxib pada masa yang sama setiap hari.

Sila hubungi doktor anda dalam masa dua minggu selepas memulakan rawatan sekiranya anda tidak mendapat sebarang manfaat daripada pengambilan ubat ini.

-Berapa lama perlu digunakan

Sekiranya anda menghentikan rawatan Synerrv Celecoxib anda secara tiba-tiba, simptom anda mungkin akan menjadi semakin teruk. Jangan berhenti mengambil Synerrv Celecoxib melainkan doktor anda mengarahkan anda supaya menghentikannya.

Doktor anda mungkin akan meminta anda mengurangkan dos selama beberapa hari sebelum berhenti sepenuhnya. Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan lanjut mengenai penggunaan produk ini, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda.

-Jika terlupa menggunakan

Sekiranya anda terlupa untuk mengambil mana-mana kapsul, sila ambil kapsul tersebut sebaik sahaja anda teringat. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)

Anda tidak boleh mengambil Synerrv Celecoxib lebih daripada yang ditetapkan oleh doktor anda. Sekiranya anda mengambil terlalu banyak kapsul sila hubungi doktor, ahli farmasi atau hospital anda dan bawa ubat anda bersama anda.

Synerrv Celecoxib Capsules 400mg

Celecoxib 400mg

Semasa menggunakan Synerrv Celecoxib

-Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa ambil Synerrv Celecoxib dengan tepat sepertimana yang telah diberitahu oleh doktor anda. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti. Sekiranya anda berpendapat atau merasakan bahawa kesan Synerrv Celecoxib terlalu kuat atau terlalu lemah, sila berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Synerrv Celecoxib dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Anda harus sedar mengenai bagaimana anda bertindak balas kepada Synerrv Celecoxib sebelum anda memandu atau mengendalikan jentera. Sekiranya anda berasa pening atau mengantuk semasa mengambil Synerrv Celecoxib, jangan memandu atau mengendalikan jentera sehingga kesan-kesan tersebut hilang.

Kesan-kesan sampingan

Sepertimana semua ubat, Synerrv Celecoxib boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Sekiranya sebarang kesan sampingan menjadi serius atau jika anda menyedari sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Sekiranya mana-mana perkara berikut berlaku, hentikan pengambilan Synerrv Celecoxib dan beritahu doktor anda dengan segera:

- Tindak balas alahan seperti ruam kulit, bengkak muka, nafas berdehit (*wheezing*) atau kesukaran bernafas
- Penyakit jantung
- Sakit perut yang teruk atau sebarang tanda perdarahan pada perut atau usus, contohnya membuang najis berwarna hitam atau najis berdarah, atau memuntahkan darah
- Tindak balas kulit seperti ruam, lepuh atau pengelupasan kulit
- Kegagalan hati (simptom-simptom mungkin termasuk rasa loya (mual), cirit-birit, jaundis (kulit atau mata putih anda kelihatan kuning)

Kesan sampingan yang disenaraikan di bawah telah diperhatikan pada pesakit yang menerima Synerrv Celecoxib.

Sangat lazim

- Tekanan darah tinggi
- Cirit-birit

Lazim

- Masalah jantung: serangan jantung, *angina* (sakit dada)
- Pengumpulan bendalir yang menyebabkan bengkak buku lali, kaki dan/atau tangan
- Jangkitan saluran kencing
- Sesak nafas, *sinusitis* (keradangan sinus, jangkitan sinus, sinus tersumbat atau sinus yang menyakitkan), hidung tersumbat atau berair, sakit tekak, batuk, selesema, simptom seakan-akan selesema, pernafasan yang sukar atau tercungap-cungap
- Pening, sukar tidur
- Tekanan darah tinggi, termasuk tekanan darah tinggi sedia ada yang menjadi semakin teruk
- Batuk
- Masalah perut: *irritable bowel syndrome* (boleh termasuk sakit perut, cirit-birit, ketakhadaman, kembung perut), muntah
- Ruam, kegatalan
- Batu karang dalam buah pinggang (yang mungkin mengakibatkan sakit perut atau sakit belakang, darah

dalam air kencing), kesukaran untuk membuang air kecil

- Peningkatan berat badan
- Jangkitan telinga
- Jangkitan kulit
- Sukar menelan
- Loya dan muntah
- Penyakit *reflux* (gejala-gajala termasuk pedih hulu hati, sakit dada, muntah dan loya)
- *Diverticulum* (kantung kecil yang muncul pada bahagian dalam dinding usus besar)
- Kekejangan otot yang tidak dapat dikawal
- Pendarahan faraj
- Pembengkakan, keradangan atau pembesaran kelenjar prostat
- Peningkatan tahap enzim hati

Sekiranya sebarang kesan sampingan menjadi serius, atau jika anda menyedari sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Public→Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan

-Penyimpanan

Simpan pada atau di bawah suhu 30°C. Jauhkan dari jangkauan dan penglihatan kanak-kanak. Jangan gunakan Synerrv Celecoxib selepas Tarikh luput yang dinyatakan pada *blister* dan karton.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak seharusnya dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Synerrv Celecoxib Capsules 400mg

Celecoxib 400mg

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Kapsul gelatin bersaiz '0', berwarna putih atau putih legap dengan tanda dakwat hitam 'CEL' pada penutup dan '400 mg' pada badan, diisi dengan serbuk atau butiran berwarna putih.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Celecoxib 400mg
- Bahan tidak aktif
*Lactose monohydrate,
Croscarmellose sodium,
Povidone, Sodium lauryl
sulphate, Magnesium
stearate, Purified water*
- Kapsul: Gelatin sumber lembu, *Titanium dioxide & TekPrint SW-9008 black printing ink*

-Nombor MAL

MALXXXXXXXXAZ

Pengilang

Umedica Laboratories Pvt. Ltd.
Plot No. 221, IInd Phase, G.I.D.C.,
Vapi 396195, Gujarat, India

Pemegang Pendaftaran Produk

Synerrv Sdn. Bhd.
SO-29-2, Menara 1, KL Eco City,
Jalan Bangsar, Kg Haji Abdullah
Hukum, 59200 Kuala Lumpur,
Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

-29/08/2024

Nombor Siri

NPRA (R2) 23/044